

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans motor anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Pihak Ketiga Motosikal?

Insurans Pihak Ketiga Motosikal ialah polisi insurans yang memberikan perlindungan terhadap liabiliti terhadap pihak ketiga akibat kecederaan atau kematian dan kerosakan harta benda pihak ketiga.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, seorang lelaki bujang berumur 30 tahun dengan Yamaha Ego (113cc), tahun pembuatan 2015 dan beralamat di Kuala Lumpur, dengan bayaran sebanyak RM137.36 tahunan (termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem), anda akan mendapat perlindungan berikut:

Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	0%
*Manfaat pilihan (Ini dapat dibeli dengan bayaran premium tambahan)	- Penundaan Tanpa Had (Layak untuk motosikal dengan kapasiti padu tidak melebihi 250CC) (RM12.00) - Kemalangan Diri Motosikal – Pelan 1 (RM13.00)

Polisi Motor anda melindungi:	Polisi Motor anda mengecualikan:
- Liabiliti terhadap pihak ketiga akibat kecederaan atau kematian - Kerosakan harta benda pihak ketiga	- Kematian atau kecederaan anggota badan anda akibat kemalangan motor* - Kerosakan pada motosikal anda akibat kemalangan atau kebakaran - Kecurian motosikal anda - Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada pembonceng motosikal anda* - Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah/bumi atau malapetaka alam yang lain - Penggunaan komersial motosikal anda - Penunggang yang tidak berlesen menunggang motosikal anda - Menunggang di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang memabukkan - Tuntutan palsu dan berlebihan - Menggunakan motosikal anda untuk tujuan yang menyalahi undang-undang - Menggunakan motosikal anda untuk sebarang pertandingan (selain acara mencari harta karun), perlumbaan, rali, perentak perlumbaan, ujian keandalan, ujian kelajuan atau di mana-mana litar - Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, kegagalan atau kerosakan fungsi mekanikal/elektronik - Gagal mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap kerosakan tambahan selepas kemalangan - Risiko peperangan dan risiko yang berkaitan <i>*Ini dapat diinsuranskan dengan menambah manfaat pilihan dengan pembayaran premium tambahan.</i> <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans motor, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
[The Pacific Insurance Berhad](http://ThePacificInsuranceBerhad.com)



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Pihak Ketiga Motosikal ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Premium Asas	RM41.30
(+) Semua Penunggang	RM20.65
(+) Bebanan (75%)	RM30.98
(-) 0% Kelayakan NCD	RM 0.00
(+) Manfaat pilihan	RM25.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM 9.43
(+) Duti Setem	RM10.00
(+) Komisen (termasuk dalam Jumlah Premium yang perlu dibayar)	10% atau RM11.79
Jumlah Premium yang perlu dibayar	RM137.36

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kemalangan yang berlaku sebelumnya dan pengubahsuaian pada enjin atau casis.
- Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
- Insurans ini hanya akan berkuat kuasa setelah anda membayar premium (pembayaran sebelum perlindungan).
- Anda mesti memastikan bahawa motosikal anda diinsuranskan/dilindungi pada jumlah yang sewajarnya kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang anda layak tuntut.
- Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin selepas sebarang kejadian yang mungkin tertakluk kepada tuntutan di bawah polisi ini, dengan:
 - (a) hubungi kami di 03-2633 8999;
 - (b) e-mel kami di customerservice@pacificinsurance.com.my; atau
 - (c) memaklumkan kepada kami melalui [Portal Tuntutan Insurans](#).

Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang. Setelah membuat laporan polis, motosikal anda boleh dihantar ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti di bawah:

- (a) bengkel membaiki motor dalam panel bengkel pembaikan yang diluluskan oleh kami;
 - (i) Kami akan memastikan bilangan bengkel membaiki motor yang diluluskan dalam panel kami adalah mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada anda;
 - (ii) Jika tiada panel bengkel membaiki motor yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku insiden, kami mungkin atas budi bicara kami memilih sama ada:
 - membantu anda mengakses bengkel membaiki motor yang terdekat dalam panel kami dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel yang dipilih tanpa sebarang kos kepada anda; atau
 - membenarkan motosikal yang rosak itu dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang ditentukan oleh kami.

atau

- (b) mana-mana bengkel pembaikan lain yang kami telah memberikan kebenaran khas kepada anda untuk menggunakannya. Keadaan di mana kebenaran khas boleh diberikan oleh kami termasuklah:
 - (i) tiada bengkel pembaikan yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bahagian (a) di atas di lokasi motosikal anda, dan kami tidak dapat membantu anda untuk mengakses bengkel membaiki motor yang terdekat dalam panel kami atau yang berdaftar dengan JPJ;
 - (ii) pembaikan yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pembaikan yang khusus yang tidak boleh disediakan oleh bengkel pembaikan yang diluluskan; dan
 - (iii) bengkel pembaikan francais.

Untuk senarai lengkap bengkel pembaikan yang diluluskan, sila rujuk pautan di bawah:

<https://www.jpj.gov.my/bengkel-kemalangan/>

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis dan slip pembatalan cukai jalan kepada The Pacific Insurance Berhad, bersama-sama dengan sama ada Sijil Insurans (CI) atau Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*) yang telah diperakui. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan sejumlah bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek yang dinyatakan dalam kontrak polisi, tertakluk kepada premium minima RM20.00 yang perlu dibayar di bawah polisi. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik jika suatu tuntutan telah dibuat terhadap polisi.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

- (a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

- (b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my